



KERTAS KERJA

CADANGAN PEMBENTUKAN INISIATIF TADBIR URUS MEMUDAHCARA PERNIAGAAN DI SABAH- PemudahcaraSMJ

Disediakan oleh:

Sekretariat GRP Sabah (BPAA)
Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah
Dengan Kerjasama MPC Wilayah Sabah

25 OGOS 2022

“SABAH MAJU JAYA”

ISI KANDUNGAN

No. PERKARA	MUKA SURAT
1. TUJUAN	3
2. LATAR BELAKANG	3
3. OBJEKTIF INISIATIF PEMUDAHCARASMJ	4
4. CADANGAN PELAKSANAAN PEMUDAHCARASMJ	5
5. TERMA RUJUKAN PEMUDAHCARASMJ (PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB)	7
6. KESIMPULAN DAN CADANGAN	8
7. LAMPIRAN	9-12

KERTAS KERJA
CADANGAN PEMBENTUKAN INISIATIF TADBIR URUS MEMUDAHCARA
PERNIAGAAN DI SABAH

1. TUJUAN:

Kertas Kerja ini disediakan sebagai panduan pelaksanaan Inisiatif Tadbir Urus Memudahkan Perniagaan di Sabah susulan daripada keputusan dalam Mesyuarat Jawatan Kuasa Pemandu GRP Sabah Siri 1/2022 (JPGRP) di mana pada dasarnya Inisiatif Tadbir Urus tersebut telah diluluskan dengan syarat pelaksanaan inisiatif berkenaan hendaklah bersesuaian dengan keperluan negeri Sabah.

2. LATAR BELAKANG:

2.1 Pembentukan Inisiatif Tadbir Urus Memudahkan Perniagaan di Sabah adalah selaras dengan inisiatif MyMudah di peringkat Persekutuan yang telah dilaksanakan sejak bulan Julai 2020 untuk membantu memulihkan perniagaan dan ekonomi yang terkesan akibat krisis Covid-19. MyMudah telah ditubuhkan untuk menambah baik persekitaran perniagaan dengan cara meningkatkan kualiti peraturan dan mengurangkan bebanan peraturan yang tidak wajar ke atas perniagaan. MyMudah juga membantu peniaga dalam meningkatkan produktiviti dan daya saing mereka.

2.2 Di antara bukti kejayaan pelaksanaan inisiatif MyMudah sejak dilaksanakan pada Julai 2020 adalah proses kelulusan permit pembinaan dan lesen perniagaan dikurangkan tempoh kelulusan dari 24 bulan ke 10 bulan dan proses kelulusan dikurangkan dari 1 hari ke 1 jam untuk pemprosesan dokumen. Sila rujuk **Lampiran 1** iaitu bukti kejayaan MyMudah setakat masa kini. Kategori isu-isu yang diterima MyMudah adalah seperti di **Lampiran 2**.

2.3 Perbincangan susulan telah diadakan di antara Sekretariat GRP Sabah dan MPC Wilayah Sabah pada 5 Ogos 2022 di mana telah dicadangkan inisiatif MyMudah di negeri Sabah dijenamakan sebagai **PemudahcaraSMJ** agar bersesuaian dengan Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan SMJ 1.0: 2021 – 2025).

2.4 Memandangkan PemudahcaraSMJ adalah berkaitan dengan Pelaksanaan Polisi Amalan Baik Peraturan, Sekretariat GRP Sabah akan bertindak sebagai Penyelaras dalam pelaksanaan PemudahcaraSMJ.

3. OBJEKTIF INISIATIF PEMUDAHCARASMJ

Objektif Inisiatif PemudahcaraSMJ adalah :

3.1 Untuk mengenal pasti, menyemak semula, dan menggantikan atau meminda peraturan yang tidak membantu dalam menjalankan perniagaan;

3.2 Untuk mengurangkan kos perniagaan (dalam konteks kos pematuhan), meningkatkan tadbir urus perniagaan (termasuk mengurangkan bilangan prosedur dan tempoh masa pemprosesan), mewujudkan peluang pekerjaan, merangsang ekonomi dan meningkatkan pendapatan negeri.

4. CADANGAN PELAKSANAAN PEMUDAHCARASMJ

- 4.1 Pemain Industri dan Pihak Berkepentingan akan mengenal pasti beban peraturan, memberi maklumat dan bukti permasalahan, dan senarai cadangan isu/peraturan yang perlu disemak semula yang berkaitan dengan perniagaan. Seterusnya membawa cadangan tersebut dalam mesyuarat Jawatankuasa Khas GRP peringkat Kementerian yang diurus setiakan oleh Penyelaras Peraturan Kementerian masing-masing.
- 4.2 Penyelaras Peraturan Kementerian berkenaan seterusnya mengemukakan isu/peraturan berkaitan perniagaan yang perlu disemak dan dinilai oleh Sekretariat GRP Sabah. Sistem SeRIA yang dibangunkan oleh Sekretariat GRP Sabah untuk digunakan oleh RC mengemukakan Notifikasi Peraturan (*Regulatory Notification*) secara dalam talian akan ditambah fungsi agar isu masalah berkaitan peraturan perniagaan dapat dikemukakan kepada Sekretariat GRP Sabah dengan cepat.
- 4.3 Melalui pembentukan PemudahcaraSMJ, Penyelaras Peraturan (RC) akan menyediakan dan menyebarkan rancangan semakan kawal selia yang berorientasikan perniagaan, melaksanakan pelan semakan kawal selia berdasarkan garis panduan GRP dan mengukur pencapaian pelaksanaan di semua peringkat Kementerian.
- 4.4 Sekretariat GRP Sabah akan menyemak dan menilai cadangan isu/peraturan yang diterima daripada Penyelaras Peraturan. Seterusnya, Isu/ masalah berkaitan akan diangkat ke mesyuarat JTGRP dan mesyuarat JPGRP untuk kelulusan. Setelah diluluskan, cadangan peraturan yang berkaitan dengan perniagaan yang telah disemak dan ditambah baik akan dilaksanakan oleh Kementerian berkaitan.

RAJAH 1: PROSES PELAKSANAAN PEMUDAHCARASMJ

CADANGAN MEKANISME PENUBUHAN PemudahcaraSMJ (STRUKTUR & PROSES)

CADANGAN PROSES PELAKSANAAN PEMUDAHCARASMJ



5. TERMA RUJUKAN PEMUDAHCARASMJ (PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB)

RAJAH 2: TERMA RUJUKAN PEMUDAHCARASMJ



5.1 Cadangan keanggotaan di pihak Pemain Industri adalah Dewan Perniagaan yang terlibat secara langsung dengan aktiviti perniagaan di Sabah. Senarai yang dicadangkan seperti di **Lampiran 3** akan dikemas kini dari semasa ke semasa.

5.2 Keanggotaan di pihak Kerajaan adalah semua Kementerian terutama yang berkaitan dengan Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan SMJ 1.0: 2021 – 2025) iaitu Sektor Pertanian, Perindustrian dan Pelancongan, Modal Insan dan Kesejahteraan Rakyat, Jaringan Infrastruktur dan Kelestarian Hijau.

6. KESIMPULAN DAN CADANGAN

- 6.1 Inisiatif PemudahcaraSMJ bertujuan untuk melaksanakan semakan peraturan secara terancang bagi menambah baik persekitaran perniagaan untuk melonjakkan produktiviti dan daya saing negeri melalui inisiatif yang melibatkan kolaborasi dan kerjasama sektor awam dan swasta.
- 6.2 Dicapangkan sebagai permulaan, beberapa Dewan Perniagaan yang mempunyai impak yang tinggi dalam perniagaan diundang untuk berbincang dengan Kementerian berkaitan untuk menyemak semula dan menambah baik isu /peraturan berkaitan perniagaan.

BUKTI KEJAYAAN MYMUDAH

KEJAYAAN MYMUDAH		
Pembinaan	Logistik	Agro-Makanan
Mempercepatkan pengeluaran permit pembinaan (Projek E10). - Proses kelulusan permit pembinaan dan lesen perniagaan dikurangkan dari 24 bulan kepada 10 bulan. - Peningkatan pelaburan sebanyak 32 kali ganda, peluang pekerjaan meningkat 12 kali ganda dan hasil PBT sebanyak 7 kali ganda.	Meningkatkan kecekapan proses pergerakan dokumen di kilang berstatus Gudang Pengilangan Berlesen (GPB). - Proses kelulusan berkurangan dari 3 hari kepada 1 jam. - Potensi penjimatan kos pematuhan sebanyak RM139 juta setahun.	Meningkatkan kecekapan proses mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang (KM) daripada PBT bagi menggalakkan pertanian moden (ladang ternakan ayam). - Sasaran kelulusan KM daripada 19 agensi teknikal kepada 3 agensi - Uji kaji peraturan di Manjung, Perak. - Potensi penjimatan kos pematuhan sebanyak RM10 juta setahun.

KATEGORI ISU-ISU YANG DITERIMA MELALUI MYMUDAH

KATEGORI ISU-ISU YANG DITERIMA MELALUI MYMUDAH		
1	Kes Mudah (1.4%) (< 7 hari)	100% isu selesai dilaksanakan Contoh: Isu komunikasi
2	Kes Sederhana (28.4%) (< 60 hari)	29.9% isu di peringkat analisis
		25.1% cadangan penambahbaikan dikemukakan 45.0% isu selesai dilaksanakan Contoh: Proses Pergerakan Dokumen Bagi Mengawal Barangan Pengecualian Duti Dan Cukai
3	Kes Kompleks (70.2%) (> 60 hari)	31.7% isu di peringkat analisis
		58.9% cadangan penambahbaikan dikemukakan
		9.4% isu selesai dilaksanakan Contoh: Projek E10 (Permit Pembinaan Ekspres) Di Kulim Kedah

SENARAI CADANGAN PEMAIN INDUSTRI

- 1. *Federation of Malaysian Manufacturers Sabah Representative Office (FMM Sabah Branch)***
En. James Ha Haw Yew
Pengerusi Cawangan Sabah (Chairman Sabah Branch)
james@dongsin.com.my / fmmsabah@fmm.org.my / florisa@fmm.org.my
143, Block Q, Sulaman Coastal Highway & Lorong Plaza Permai 1 Alamesra
Plaza Permai, 88400 Kota Kinabalu, Sabah
019-8528324 / 088-447580
- 2. *Federation of Sabah Industries***
En. Richard Lim
Presiden
secretariat@fsi-sabah.my
Wisma Fsm, Lot 1, IZ4, Jalan If KKIP Selatan, Kota Kinabalu Industrial Park,
Sabah, 88460 Kota Kinabalu.
En. Kee (Manager) - 013-5562088
- 3. *SME Association of Sabah***
YBhg. Datuk Prof Foo Ngee Kee
Presiden
Puan Siti (PA): siti8bsa@gmail.com / 010-7712275
Warisan Square, Unit A-05-11, 5th Floor, Block A, Jalan Tun Fuad Stephen,
Kota Kinabalu, 88000 Kota Kinabalu, Sabah.
088447722
- 4. *Dewan Usahawan Melayu Sabah (DEUMESA)***
YBhg. Datuk Hj. Ag. Buhtamam bin Hj. Ag. Mahmud
Presiden
deumesa.sabah@gmail.com
Lot 55 & 56, Blok H, Tingkat 2, Suria Inanam, Jalan Tuaran Bypass, 88450
Kota Kinabalu, Sabah.
En. Sufaizal: 014-6550942 / 088382069
- 5. *Malaysian International Chamber of Commerce and Industry (MICCI)***
YBhg. Datuk Lee Swi Heng
Pengerusi (Chairman)
sabah@micci.com
S-17 The Peak Vista Shopflex, Level 1, Lorong Puncak, 1, Jalan Tanjung Lipat,
88400 Kota Kinabalu, Sabah
088248332 / 019-8508490

6. ***Sabah Economic Advisory Council (SEAC)***
YBhg. Datuk Dr. Kasim Haji Md Mansur
Pengerusi Modal Insan
kmansur@ums.edu.my
H/P: 019-8620060
7. ***Sabah Professional Council***
Ar. Rizal Ahmad Banjar
Ad Hoc Chairman
sabahprofessionalcouncil@gmail.com
H/P: 016-8338113
Lot 5, 3rd Floor, Block A, Damai Plaza Phase IV,
Jalan Damai, 88300 Luyang, Kota Kinabalu.
Tel: (+6) 088-261 314 Fax: (+6) 088-261 314
8. **Dewan Perniagaan Bumiputera Sabah**
YBhg. Datuk Haji Mohd Hasnol bin Datuk Ayub
Yang Dipertua
1, Menara Maa, Unit 6-8-8, Tingkat 8, Lorong Api, Api-api Centre,
88000 Kota Kinabalu, Sabah.
P/A: Pn. Yazreen Masi (H/P: 014-3780485) / mohdhasnol@gmail.com
088-486 551
9. ***Kadazandusun Chamber of Commerce and Industry (KCCI)***
Wisma KCCI, Lot 19, Block C, 2nd Floor
New World Commercial Centre Donggongan,,
89500 Penampang, Sabah
Tel: 088-725 306
10. **Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Sabah (DPMM)**
Bangunan DPMM Sabah, Grace Square Sembulan,
Lot 33A, P. O. Box 10502, Jalan Sembulan,
88805, Kota Kinabalu
Tel:088 263724 , Fax:088 263724
11. **Dewan Perniagaan dan Perindustrian Tionghua Kota Kinabalu**
1st Floor, Lot 6, Lorong Inanam Baru Phase 3, Inanam Baru
88450 KOTA KINABALU
Tel:088-255 470
12. **Persatuan Gabungan Persatuan Cina Sabah**
Tingkat 7, Kompleks
Karamunsing
Tel: 088 250000

- 13. Sabah Housing and Real estate Developers Association (SHAREDADA)**
YBhg. Datuk Sr. Chua Soon Ping
President
secretariat@shareda.com
SHAREDADA Secretariat Office
Lot 1-3 (F), 3rd Floor, Beverly Hills Plaza,
Jalan Bundusan,
88300 Kota Kinabalu.
Tel: 088-720848 / 088-722849